

MENENGAH 1 EXP/NA
LATIHAN TOPIKAL 6
KEFAHAMAN OBJEKTIF

Kefahaman Objektif	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	10		
Latihan 2	10		
Latihan 3	10		
Latihan 4	10		
Latihan 5	10		

LATIHAN 1

Arahan: Baca petikan yang berikut dengan teliti.

Apo Kono Ejah?

www.dEJAvu.com

23 Jun 2019

Saya amat meminati muzik, tidak kira jenis tradisional mahupun pop. Buat masa ini, saya sedang belajar bermain piano dan saya berasa berpuas hati setiap kali saya dapat memainkan sebuah lagu sehingga habis. Dengan mempelajari alat-alat muzik lain, saya percaya, ia akan memperluas kebolehan saya memainkan lagu-lagu daripada genre-genre yang berbeza.

Bermain alat muzik amat terapeutik dan menenangkan, terutama sekali setelah menjalani hari yang panjang dan meletihkan. Ia juga membantu saya meluahkan perasaan setiap kali saya rasa sedih atau resah. Oleh itu, bermain alat muzik mempertingkatkan minat saya terhadap muzik. Selain itu, ia juga mencabar saya untuk keluar daripada kepompong zon keselesaan, dan melatih daya tahanan saya.

Kajian menunjukkan bahawa bermain alat muzik dapat membantu mengasah kemahiran dengan merangsang minda seseorang. Menguasai alat muzik baharu juga memerlukan ketekunan dan tumpuan yang penuh. Oleh itu, bagi saya, mempelajari alat muzik merupakan satu cabaran yang amat menarik.

Ejah Khadijah



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Penulis berasa berpuas hati apabila dia _____.
(A) bermain piano
(B) mempelajari pelbagai jenis alat muzik
(C) mampu memainkan sebuah lagu sehingga selesai
(D) berupaya memainkan lagu-lagu daripada pelbagai genre ()
2. Penulis bercadang untuk mempelajari alat-alat muzik yang berbeza kerana dia _____.
(A) meminati pelbagai jenis muzik
(B) sudah berupaya bermain piano
(C) berpuas hati setiap kali dapat memainkan sebuah lagu sehingga selesai
(D) ingin meningkatkan kemahiran memainkan lagu daripada pelbagai genre ()
3. Berikut merupakan manfaat bermain alat muzik **kecuali** _____.
(A) terapeutik dan mendamaikan
(B) melatih daya tahan seseorang
(C) meletihkan setelah menjalani hari yang panjang
(D) membantu seseorang meluahkan perasaan duka ()
4. Untuk menguasai alat muzik yang baharu, seseorang itu harus _____.
(A) mengasah kemahiran dan mindanya
(B) tekun dan menumpukan sepenuh perhatian
(C) mencabar dirinya dengan sesuatu yang menarik
(D) memainkan lagu daripada genre-genre yang berbeza ()
5. Ayat-ayat yang berikut adalah benar **kecuali** _____.
(A) bermain muzik melatih daya tahan penulis
(B) penulis rasa tercabar mempelajari alat muzik
(C) penulis meminati muzik kecuali jenis tradisional
(D) bermain alat muzik mengeluarkan diri penulis daripada zon keselesaan ()

Arahan: Baca petikan yang berikut dengan teliti.

Pesta Hari Antarabangsa

Anjuran Kelab Pelajar Antarabangsa

Sejak 2006, Institusi Saint James (SJI) telah menganjurkan pesta tahunan Hari Pelajar Antarabangsa bagi membuka ruang kepada para pelajar, guru dan ibu bapa untuk mendalami budaya berlainan bangsa yang diamalkan di sekolah ini. Pelbagai aktiviti diadakan supaya para pengunjung dapat belajar sambil berseronok.

Tiga kegiatan dianjurkan tahun ini, iaitu bengkel seni melukis batik, membuat kipas tradisional Cina, dan kelas membuat Roti Prata. Berikut ialah perkongsian daripada para peserta tahun ini!

"Saya ingat melukis batik itu mudah sahaja. Tetapi hakikatnya, lukisan saya tidak menjadi pun. Corak bunga yang ingin saya lukis kelihatan seperti ulat bulu pula! Walaupun begitu, saya berasa amat seronok!" - Park Bo Sum, 16 tahun



Kipas Cina memang amat menarik! Terima kasih SJI kerana beri saya peluang untuk cuba sendiri bagaimana untuk membuat kipas sendiri. Saya rasa saya boleh cuba buka kedai di Thailand. Hehehe! - Jirasut, 15 tahun



Pada saya, mudah sahaja untuk tebar Roti Prata. Mungkin saya memang dilahirkan dengan bakat memasak! - Demi Sore, 17 tahun



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Tujuan utama Pesta Hari Pelajar Antarabangsa adalah untuk _____.
(A) meminta perkongsian para peserta pesta tersebut
(B) mengamalkan budaya pelbagai bangsa di sekolah
(C) menggalakkan para pengunjung belajar sambil berseronok
(D) membuka ruang kepada pelbagai pihak untuk mendalami budaya pelbagai bangsa ()
2. Berikut merupakan aktiviti yang dianjurkan semasa acara itu **kecuali** _____.
(A) kelas membuat roti prata
(B) bengkel seni melukis batik
(C) perkongsian oleh peserta antarabangsa
(D) bengkel membuat kipas tradisional Cina ()
3. Menurut Park Bo Sum, dia berasa amat seronok meskipun _____.
(A) melukis batik amat mudah
(B) melukis batik sangat senang
(C) lukisannya menepati jangkaan
(D) lukisannya tidak menepati jangkaan ()
4. Setelah menghadiri acara tersebut, Jirasut berhasrat untuk _____.
(A) melukis batik corak bunga
(B) membuat kipas batik sendiri
(C) membuka kedai kipas di Thailand
(D) membuka kedai roti prata di Thailand ()
5. Demi Sore berpendapat bahawa dia mempunyai bakat memasak kerana dia _____.
(A) berupaya menebar roti prata
(B) dilahirkan dengan bakat memasak
(C) boleh membuka kedai roti prata sendiri
(D) telah menganjurkan Pesta Hari Pelajar Antarabangsa ()

Arahan: Baca petikan yang berikut dengan teliti.

BERITA

DALAM NEGERI

11/1/2019 21:18 Kemas Kini: 11/1/2019 23:50

Pasukan Polis Singapura (SPF) telah menerima sekurang-kurangnya 10 aduan sejak awal tahun ini (1 Jan), mengenai akaun WhatsApp yang dicuri oleh para penggodam. Menurut pihak polis, mangsa-mangsa telah menerima kiriman WhatsApp daripada salah seorang kawan mereka, yang akaunnya telah dicuri.

Mesej itu menggesa mangsa supaya menghantar kod pengesahan WhatsApp. Setelah berbuat demikian, mangsa akan kehilangan hak penggunaan WhatsApp mereka.

SPF menasihati orang ramai supaya berwaspada apabila menerima pesanan WhatsApp yang mencurigakan. Para pengguna juga dinasihati supaya menelefon rakan masing-masing untuk mengesahkan kesahihan permintaan yang diterima.

DUNIA

12/1/2019 15:18

Rakyat Singapura yang menetap di luar negara kini boleh menikmati hiburan dan berita tempatan melalui satu portal sehati, Rakyat Singapura di Luar Negara.

Laman itu dilancarkan hari ini (12 Jan), dan dikendalikan Mediacorp bersama Unit Rakyat Singapura di Luar Negara (OSU). Ia meliputi drama-drama blockbuster, rancangan berkaitan makanan, serta dokumentari ehwal semasa terbitan Mediacorp.

OSU telah ditubuhkan pada 2006 untuk mendampingi rakyat Singapura di luar negara. Buat masa ini, lebih 200 ribu rakyat Singapura menetap, bekerja, atau belajar di luar negara. Kebanyakan daripada mereka berada di Australia, China, Britain dan Amerika Syarikat.

KESIHATAN

11/1/2019 21:18 Kemas Kini: 12/1/2019 23:59

Satu kajian yang dilancarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mendedahkan bahawa orang yang memakan makanan yang tinggi kandungan serat dan bijiran penuh kurang berisiko mengalami sakit jantung, angin ahmar, kencing manis, serta lain-lain penyakit yang memudaratkan.

Menurut kajian itu, kebanyakan orang makan kurang 20 gram serat setiap hari. Kajian itu juga menggesa garis pandu pemakanan berkhasiat memberi tumpuan kepada meningkatkan pengambilan serat, dan menggantikan bijiran bertapis dengan bijiran penuh.

WHO menyarankan orang ramai supaya cuba mencapai pengambilan 25 hingga 29 gram serat setiap hari.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Pasukan Polis Singapura (SPF) menerima aduan bahawa _____.
(A) para mangsa telah menerima mesej daripada 10 orang
(B) penggodam telah mencuri akaun Whatsapp para mangsa
(C) akaun Whatsapp para mangsa telah dicuri oleh teman mereka
(D) para mangsa telah menerima kiriman Whatsapp daripada teman mereka ()
2. Setelah para mangsa menghantar kod pengesahan Whatsapp, mereka akan _____.
(A) menelefon rakan masing-masing
(B) menerima pesanan yang mencurigakan
(C) kehilangan hak penggunaan Whatsapp mereka
(D) menerima kiriman Whatsapp daripada teman mereka ()
3. Unit Rakyat Singapura di Luar Negara (OSU) telah dibina pada _____.
(A) tahun 2006
(B) tahun 2019
(C) 11 Januari
(D) 12 Januari ()
4. Portal Rakyat Singapura di Luar Negara merangkumi rancangan-rancangan berikut **kecuali** _____.
(A) berita luar negara
(B) drama blokbluster
(C) rancangan makanan
(D) dokumentari ehwal semasa ()
5. Kajian yang dilancarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mendapati bahawa _____.
(A) ramai orang telah meningkatkan pengambilan serat
(B) kebanyakan orang makan 20 gram serat setiap hari
(C) ramai orang telah mencapai pengambilan 25 gram serat setiap hari
(D) ramai orang telah menggantikan bijiran bertapis dengan bijiran penuh ()

LATIHAN 4

Arahan: Baca petikan yang berikut dengan teliti.

Program Pengayaan Cuti Disember

Sekolah Menengah
Crescent



**Boleh dibayar sepenuhnya
melalui Edusave!**

Chiang Mai, Thailand

Dari 2 hingga 4 Disember

Tahukah anda kebanyakan beras yang kita makan, diimport dari Thailand? Chiang Mai dikenali sebagai ibu kota Kerajaan Lanna dan menempatkan lebih 300 kuil. Disebabkan ia terletak di daerah utara negara tersebut, suhu di Chiang Mai jauh lebih dingin berbanding di ibu kota Bangkok. Oleh itu, anda akan berasa kurang letih untuk meneroka dan menikmati lebih banyak kawasan dan pemandangan yang menakjubkan.

Yuran: \$300

Guru yang akan mengikuti:

Cikgu Lamri dan Cikgu Halimah

Brunei Darussalam


Dari 2 hingga 8 Disember

Brunei ialah satu-satunya negara terkaya dalam nusantara Melayu. Sultan Hassanal Bolkiah yang memerintah negara itu amat murah hati dan akan berkongsi kekayaan dengan rakyatnya pada setiap penghujung tahun. Selain itu, mereka juga tidak perlu membayar cukai! Mahu tahu apa yang membuat kerajaan Brunei kaya? Sertailah program ini!

Yuran: \$380

Guru yang akan mengikuti:

Cikgu Saedah Begum dan Cikgu Hanif



Sarawak, Malaysia

Dari 2 hingga 6 Disember

Mahu memahami lebih mendalam tentang masyarakat Dayak dan Iban? Sertailah program pengayaan ke Timur Malaysia ini. Lebih 2.6 juta orang menetap di Sarawak. Selain masyarakat Dayak dan Iban, terdapat sekitar 26 lagi kumpulan etnik yang menetap di negeri tersebut. Namun atas dasar keselamatan, para pelancong perlu mendapatkan khidmat pemandu pelancong daripada kerajaan dan tidak dibenarkan memasuki kawasan perkampungan orang asli sendiri.

Yuran: \$240

Guru yang akan mengikuti:


Cikgu Kamsaton dan Cikgu Zikri

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Para peserta tidak akan berasa terlalu penat untuk meneroka Chiang Mai kerana _____.
(A) Chiang Mai menempatkan lebih 300 kuil
(B) Chiang Mai lebih sejuk daripada Bangkok
(C) Chiang Mai terletak di daerah Utara Bangkok
(D) terdapat kawasan dan pemandangan yang menakjubkan ()
2. Setiap hujung tahun, rakyat Brunei akan menerima habuan kerana _____.
(A) kerajaan Brunei amat kaya
(B) mereka tidak perlu membayar cukai
(C) sultan yang memerintah negara Brunei sangat murah hati
(D) Brunei merupakan negara terkaya dalam nusantara Melayu ()
3. Para pelancong tidak boleh memasuki kawasan perkampungan orang asli sendiri kerana _____.
(A) terdapat lebih 2.6 juta orang menetap di Sarawak
(B) ini adalah untuk keselamatan para pelancong sendiri
(C) terdapat 26 kumpulan etnik yang menetap di Sarawak
(D) terdapat khidmat pemandu pelancong daripada kerajaan ()
4. Guru-guru yang akan membawa rombongan pelajar ke Sarawak ialah _____.
(A) Cikgu Zikri dan Cikgu Lamri
(B) Cikgu Zikri dan Cikgu Kamsaton
(C) Cikgu Kamsaton dan Cikgu Hanif
(D) Cikgu Kamsaton dan Cikgu Saedah Begum ()
5. Para peserta akan meluangkan masa yang paling lama di _____.
(A) Sarawak
(B) Malaysia
(C) Chiang Mai
(D) Brunei Darussalam ()

LATIHAN 5

Arahan: Baca petikan yang berikut dengan teliti.



Selamat tengah hari para guru dan rakan-rakan. Saya berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk mengendalikan ceramah ini. Hari ini, saya akan berkongsi tentang pemakanan tengah hari yang sihat.

Makan tengah hari amat penting dalam mengamalkan gaya hidup sihat. Ketika makan tengah hari, kita mesti makan makanan yang seimbang. Ia boleh dicapai dengan pengambilan makanan yang bersesuaian dengan keperluan tubuh kita. Makanan yang seimbang harus dilengkapi khasiat dan zat-zat seperti karbohidrat, protein, vitamin dan lain-lain.

Remaja seperti kita memerlukan makanan yang mengandungi kadar karbohidrat yang tinggi - seperti nasi atau roti. Ia memberikan kita tenaga yang mencukupi untuk menjalani aktiviti harian, memandangkan kita perlu melakukan pelbagai kegiatan seperti sukan terutamanya semasa menjalani kegiatan luar darjah.

Saya sarankan agar kalian juga makan makanan yang tinggi kandungan protein seperti daging atau dada ayam, kerana ia mempunyai kandungan protein yang sangat tinggi manakala kandungan lemaknya tidak begitu tinggi.

Sayur-sayur dan buah-buahan juga sangat penting kerana ia mengandungi vitamin dan kandungan serat yang tinggi. Vitamin boleh mencegah serangan penyakit seperti selesema dengan meningkatkan daya tahan tubuh kita. Serat juga boleh membantu melicinkan proses penghadaman makanan dan membantu penggerakan najis dalam tubuh.

Selain memakan makanan yang sihat dan seimbang, saya juga ingin menekankan pentingnya mengelakkan beberapa jenis makanan yang mempunyai kandungan lemak, gula dan kanji yang terlalu tinggi. Jauhi makanan segera kerana ia tidak elok untuk kesihatan anda.

Saya ingin menarik perhatian bahawa pemakanan sihat sahaja tidak mencukupi untuk memastikan tubuh kita sihat. Kita perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya satu jam sehari untuk melakukan senaman seperti berbasikal dan berlari-lari anak kerana apabila kita berpeluh, ia membantu kita mengeluarkan toksin daripada tubuh badan kita. Oleh itu, ia akan membantu mencegah penyakit dan juga mengelakkan kita daripada mudah jatuh sakit.

Memandangkan masa tidak mengizinkan, saya akan menamatkan ceramah saya setakat di sini sahaja. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, jangan segan untuk bertanyakan kepada saya setelah ini. Terima kasih.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Tujuan utama ceramah itu adalah untuk _____.
(A) kepentingan bersenam
(B) menyarankan pemakanan yang seimbang
(C) berkongsi tentang pemakanan tengah hari yang sihat
(D) menekankan tentang makanan yang patut dijaui oleh masyarakat ()
2. Kita boleh memastikan keseimbangan makanan dengan _____.
(A) mengamalkan gaya hidup sihat
(B) tidak melupakan makan tengah hari
(C) memakan makanan yang kekurangan khasiat dan zat
(D) memakan makanan yang sesuai dengan keperluan tubuh ()
3. Antara makanan yang kaya dengan protein ialah _____.
(A) roti
(B) gula
(C) nasi
(D) daging ()
4. Vitamin sangat penting bagi tubuh kerana ia _____.
(A) merosotkan daya tahan tubuh
(B) melicinkan proses penghadaman makanan
(C) membantu penggerakan najis dalam tubuh
(D) mencegah serangan penyakit seperti selesema ()
5. Kita patut bersenam supaya _____.
(A) pemakanan kita terjaga
(B) kita tidak akan pernah jatuh sakit
(C) dapat berbasikal dan berlari-lari anak
(D) toksin yang berlebihan tidak kekal dalam tubuh ()